

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR
KAWASAN : TANJONG KARANG
TARIKH : 17 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN :

YB TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Projek Lebuh Raya Persisiran Pantai Barat yang melalui kawasan Parlimen Tg. Karang akan mengikut jajaran asal melalui kampung atau cadangan kedua laluan melalui Pekan Tg. Karang.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Lebuh Raya Persisiran Pantai Barat yang melalui kawasan Parlimen Tg. Karang iaitu Seksyen 7 akan mengikut jajaran asal melalui kampung sebagaimana Jajaran di dalam Perjanjian Konsesi. Penetapan Jajaran Seksyen 7 ini telah dipersetujui oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor selepas Kajian Impak Penilaian Sosial (SIA) dibentangkan kepada Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) yang mengesyorkan opsyen pembinaan Jajaran Seksyen 7 dilaksanakan seperti mana di dalam Perjanjian Konsesi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU
[BATU GAJAH]**

TARIKH : 17 JULAI 2019 [RABU]

SOALAN NO. 7

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan usaha-usaha Kementerian untuk memastikan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negara mencapai piawaian perkhidmatan antarabangsa. Sejauh manakah agenda global seperti "*Sustainable Development Goal*" 2030 dilaksanakan sebagai inisiatif penambahbaikan Pihak Berkuasa Tempatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, dalam usaha untuk memastikan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Malaysia senantiasa meningkatkan tahap kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menjalankan penilaian melalui Sistem Penarafan Bintang - Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) sejak tahun 2008. Antara objektif utama SPB-PBT adalah untuk mengukur tahap pencapaian setiap PBT supaya mereka sentiasa memastikan perkhidmatan yang diberikan adalah berkesan dan memenuhi keperluan rakyat setempat. Di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (2016-2020), Kerajaan telah mensasarkan supaya 90% daripada 155 PBT Malaysia mencapai

penarafan sekurang-kurangnya 4 bintang. Sehingga akhir tahun 2018, sejumlah 119 daripada 151 atau 78.81% PBT di Malaysia telah mencapai penarafan 4 bintang dan ke atas.

2. Daripada 331 indikator-indikator sedia ada yang diguna pakai dalam SPB-PBT, sebanyak 50 indikator penilaian adalah selari dengan 17 matlamat yang digariskan dalam SDG 2030. Pencapaian PBT seluruh Malaysia melalui indikator penilaian SPB-PBT yang selari dengan SDG 2030 antaranya:

Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 2030	Indikator Penilaian SPB-PBT
<p>SDG1 Membasmi kemiskinan dalam apa-apa bentuk di semua tempat</p>	<p>4.1 (xv) Inisiatif membantu pencapaian NKRA: Menangani kos sara hidup 4.1 (xxiv) Inisiatif PBT untuk meningkatkan kualiti hidup warga miskin (program motivasi, keusahawanan, kelas bimbingan) 4.1 (xxv) Inisiatif PBT untuk meningkatkan kualiti hidup golongan belia/pelajar (program motivasi, keusahawanan, kelas bimbingan) 4.1 (xxvi) Inisiatif PBT bagi membantu meningkatkan kualiti hidup golongan OKU (motivasi, keusahawanan, kelas bimbingan) 4.1 (xxvii) Inisiatif PBT membaik pulih rumah daif / strata / housebuild di kawasan PBT 4.1 (xxviii) Program Local Agenda 21 (LA21)</p>
<p>SDG6 Memastikan akses kepada air dan sanitasi untuk semua.</p>	<p>2.2 (xxii) (c) Sistem penuaian air hujan (SPAH) 2.9 (vi) Penggredan tandas awam milik PBT 2.9 (viii) Penggredan tandas kegunaan awam bukan milik PBT 2.10 Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam</p>

Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 2030	Indikator Penilaian SPB-PBT
<p>SDG11 Memastikan bandar dan penempatan manusia yang inklusif, selamat, berdaya tahan dan lestari.</p>	<p>2.2 (xvii) Mempunyai Jawatankuasa Bandar Selamat / lain - lain platform yang membincangkan perkara berkaitan</p> <p>2.2 (xviii) Tindakan - tindakan PBT bagi menyokong NKRA: Mengurangkan Jenayah Jalanan.</p> <p>2.2 (xxi) Menerima pakai Garis Panduan Kejiranan Hijau JBPD dan Panduan 5 Inisiatif Kejiranan Hijau</p> <p>2.2 (xxii) Melaksanakan panduan inisiatif kejiranan hijau di kawasan PBT</p> <p>2.5 Pengurusan Lalu Lintas dan tempat Letak Kereta</p> <p>2.6 Perancangan dan Pengurusan Landskap</p> <p>2.3 (v) Ada insentif / inisiatif penambahbaikan bangunan-bangunan lama/warisan</p> <p>4.1 (xiii) Neighbourhood watch / SRS / RT / persatuan penduduk dan lain lain bertujuan untuk mengawal keselamatan penduduk</p> <p>4.1 (xxxiv) Pengurusan Bencana Alam</p>

3. Bagi memastikan kawasan seliaan PBT bebas penyakit dan pencemaran selaras dengan SDG 3 iaitu 'Memastikan Kesihatan Dan Kesejahteraan Bagi Semua Umur Dipromosikan' serta SGD 6, 'Memastikan Akses Kepada Air Dan Sanitasi Untuk Semua', KPKT melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) telah membentuk beberapa garis panduan (GP) untuk diguna pakai oleh PBT. Antaranya ialah GP Penggredan Premis Makanan, GP Pengurusan Pasar Malam/Pasar Harian di PBT, GP Pusat Penjualan Ayam, Itik dan Lain-lain Unggas, SOP Penangkapan dan Pelupusan Anjing Liar serta GP kawalan Tikus di PBT. KPKT juga menyokong penuh matlamat SDG 5 iaitu 'Mencapai Kesamaan Gender dan Memperkasa Wanita dan Kanak-kanak Perempuan'. YB Menteri KPKT telah mengeluarkan surat

kepada semua PBT untuk memulakan langkah dalam memastikan 30 peratus Ahli Majlis PBT terdiri daripada kaum wanita. Sehingga akhir tahun 2018, sebanyak 4 PBT telah mencapai matlamat ini iaitu Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah, Majlis Bandaraya Pulau Pinang, Majlis Daerah Jerantut dan Majlis Daerah Sik.

4. URBANICE MALAYSIA selaku salah satu agensi di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) juga telah melaksanakan beberapa sesi taklimat kesedaran kepada 96 PBT di Malaysia berhubung kepentingan dan kaedah untuk melaksanakan pembangunan lestari menerusi Matlamat Pembangunan Lestari sehingga tahun 2030 (SDG 2030) dan Agenda Perbandaran Baharu (New Urban Agenda). Pihak URBANICE MALAYSIA dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Ekonomi kini sedang menyediakan laporan projek rintis iaitu *SDGs Cities Report* melibatkan beberapa buah bandar di Malaysia.

5. Laporan yang disediakan URBANICE Malaysia menekankan keperluan SDGs dalam menyediakan kerangka kerja untuk dasar pembangunan tempatan serta untuk menilai tahap prestasi sesebuah bandar. Laporan ini akan memperkenalkan aktiviti-aktiviti tiga bandar utama di Malaysia iaitu Bandaraya Kuala Lumpur, Bandaraya Shah Alam dan Bandar Alor Gajah. Pihak DBKL, MBSA & MPAG terlibat secara langsung dalam pelaksanaan SDGs dan akan melaksanakan lebih banyak inisiatif pembangunan bandar secara mampan dengan berlandaskan SDG ke-11 iaitu *Sustainable Cities and Communities* yang lebih berkesan pada masa hadapan. Draf awal laporan tersebut yang diharapkan membantu menangani isu-isu tempatan dijangka disiapkan menjelang akhir tahun ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID
[KUALA KANGSAR]**

TARIKH : 17 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 8

DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID [KUALA KANGSAR] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah penyakit-penyakit kronik yang paling mendadak di kalangan generasi muda negara dan peratusannya.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Survei Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) yang terkini pada tahun 2015 menganggarkan beban penyakit kronik *non-communicable diseases* (NCD) seperti diabetes, hipertensi dan hyperlipidaemia dalam kalangan rakyat Malaysia berumur 18 tahun ke atas adalah sangat tinggi. Walaupun risiko penyakit NCD bertambah dengan faktor umur, namun generasi muda Malaysia turut tidak terkecuali.

Sebanyak 17.5% atau 3.6 juta rakyat Malaysia menghidapi diabetes. Peratusan golongan muda yang menghidap penyakit diabetes mengikut kategori umur adalah seperti berikut:

1. Julat umur 18-19 tahun dengan prevalen 5.5%
2. Julat umur 20-24 tahun dengan prevalen 5.9%; dan
3. Julat umur 25-29 tahun dengan prevalen 8.9%.

NO SOALAN : 8

Survei ini juga menganggarkan sebanyak 30.3% rakyat Malaysia menghidapi penyakit hipertensi. Beban penyakit hipertensi dalam kalangan golongan muda mengikut kategori umur adalah seperti berikut:

1. Julat umur 18-19 tahun dengan prevalen 6.7%;
2. Julat umur 20-24 tahun dengan prevalen 9.4%; dan
3. Julat umur 25-29 tahun dengan prevalen 13.2%.

Sebanyak 47.7% rakyat Malaysia juga menghidapi *hypercholesterolaemia*. Beban penyakit *hypercholesterolaemia* dalam golongan muda mengikut kategori umur adalah seperti berikut:

1. Julat umur 18-19 tahun dengan prevalen 22.0%;
2. Julat umur 20-24 tahun dengan prevalen 26.5%; dan
3. Julat umur 25-29 tahun dengan prevalen 33.7%.

Survei ini juga menganggarkan sebanyak 17.7% rakyat Malaysia mempunyai BMI ≥ 30.0 kg/m² atau obes. Peratusan generasi muda yang obes mengikut kategori umur adalah seperti berikut:

1. Julat umur 18-19 tahun dengan prevalen 11.7%;
2. Julat umur 20-24 tahun dengan prevalen 12.0%; dan
3. Julat umur 25-29 tahun dengan prevalen 18.3%.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyedari bahawa beban penyakit NCD dalam golongan muda amat membimbangkan dan memberi fokus terhadap strategi pencegahan dan kawalan NCD pada peringkat awal mengikut *Life Course Approach* berdasarkan Pelan Strategik Kebangsaan Penyakit Tidak Berjangkit 2016-2025.

Sekian, terima kasih.